

Malaiikat pencatat amalan manusia

FIRMAN Allah SWT yang bermaksud: Sebenarnya tidak ada yang memperdayakan kamu (hai golongan yang ingkar)! bahkan kamu sendiri tidak percayakan adanya hari pembalasan. Padahal sesungguhnya, ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawas segala bawaan kamu. (Mereka adalah makhluk yang mulia (di sisi Allah), lagi ditugaskan menulis (amal-amal kamu). Mereka mengetahui apa yang kamu lakukan. (Gunanya catatan malaikat-malaikat itu ialah untuk menyatakan siapa yang berbakti dan siapa yang bersalah) kerana sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan amal kebajikan), tetap berada dalam syurga yang penuh nikmat. Dan Sesungguhnya orang-orang yang bersalah, bertempat dalam neraka yang menjulang-julang. Mereka menderita bakaran neraka itu pada hari pembalasan. Dan mereka (sentiasa berada dalam azab seksanya), tidak ghaib daripadanya. Dan apa jalannya Engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari Pembalasan itu? Sekali lagi, apa jalannya Engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari Pembalasan itu? (hari itu ialah) hari seseorang tidak dapat memberikan pertolongan sedikitpun kepada orang lain, dan segala urusan pada hari itu tertentu bagi Allah. (al-Infitar: 9-19)



SETIAP makhluk di atas muka bumi ini tidak terlepas daripada dihisab oleh Allah SWT. -Gambar hiasan

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

(SIRI KE-14)

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

SETELAH Allah SWT menerangkan bahawa antara tanda-tanda kurnia-Nya kepada manusia adalah penciptaannya dalam bentuk yang terbaik. Perkara itu menunjukkan bahawa manusia akan menempuh kehidupan lain selain kehidupan sekarang.

Di sana nanti mereka akan diberi balasan atas segala yang pernah dikerjakan sama ada baik atau buruk. Selanjutnya Allah SWT menjelaskan seseorang tidak akan menolak kebenaran melainkan kerana adanya sikap menentang dan mendustakannya. Perasaan hati membisikkan kebenaran itu dan dalil agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW menguatkannya.

Allah SWT tidak akan membiarkan satu amalan pun daripada amalan hamba-Nya, melainkan Dia akan menghitung dan memelihara untuk diberi balasan. Tugas mencatat segala amalan manusia ini telah diserahkan oleh Allah kepada para malaikat yang dilantik khusus.

Firman Allah SWT: *Sebenarnya tidak ada yang memperdayakan kamu (hai golongan yang ingkar)! bahkan kamu sendiri tidak percayakan adanya hari pembalasan.* Syed Qutb berkata: "Kamu tidak percaya kepada hisab dan balasan. Inilah punca kekeliruan dan kecuaihan kamu terhadap Allah. Apabila hati mendustakan hisab dan balasan, maka ia tidak akan berdiri tegak di atas hidayah, kebaikan dan ketaatan. Kadang-kadang hati itu meningkat ke darjat yang tinggi dan luhur lalu ia taatkan Tuhan-Nya dan beribadat kepada-Nya semata-mata kerana cintakan-Nya bukan kerana gentar kepada balasan seksa-Nya dan bukan tamakkan pahala dari-Nya tetapi tetap percaya kepada Hari Balasan dan

menaruh perasaan takut kepadanya. Ia menunggu kedatangan hari itu untuk menemui Tuhan yang amat dicintainya. Tetapi apabila manusia tidak mempercayai hari Balasan, ia tidak taat kepada Tuhan-Nya dan hatinya tidak akan tenang selagi tidak mendapat hidayah."

Firman Allah SWT: *Padahal sesungguhnya, ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawas segala bawaan kamu. (Mereka adalah makhluk) yang mulia (di sisi Allah), lagi ditugaskan menulis (amal-amal kamu). Mereka mengetahui apa yang kamu lakukan.*

Ibnu Kathir berkata: "Dan sesungguhnya pada kalian ada malaikat yang sentiasa menjaga dan mengawasnya. Oleh yang demikian, janganlah kamu membalas mereka dengan perbuatan buruk, dan sesungguhnya mereka akan menulis semua amal perbuatan kamu."

Al-Maraghi berkata: "Kita tidak diwajibkan untuk mencari Malaikat Hafazah atau mengetahui daripada bahan apa mereka dicipta, bentuk perbuatannya atau cara memelihara dan mencatatnya. Apakah memakai kertas dan pena atau papan tempat menulis amalan atau apakah mereka itu sebariga roh dengan jelas melihat perbuatan manusia sehingga mengetahui kesan dan tulisan yang terdapat di kertas. Semua itu tidak termasuk dalam kewajipan kita untuk mengetahuinya tetapi yang wajib

bagi kita hanyalah beriman kepada kebenaran berita itu dan menyerahkan urusan itu kepada Allah SWT."

Firman Allah SWT: *(Gunanya catitan malaikat-malaikat itu ialah untuk menyatakan siapa yang berbakti dan siapa yang bersalah) kerana sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan amal kebajikan), tetap berada dalam syurga yang penuh nikmat.*

Ibnu Abbas RA berkata: "Apa yang wujud di dunia ini hanya memiliki kesamaan dari segi nama sahaja dengan apa yang wujud dalam syurga. Di syurga pun ada delima. Di dunia pun ada delima. Namun kesamaan di antara keduanya hanyalah dari segi nama sahaja. Di syurga ada tumbuh-tumbuhan yang berbau harum. Di dunia pun ada tumbuh-tumbuhan yang berbau harum. Tetapi kesamaan keduanya hanya dari segi namanya sahaja. Di syurga ada kurma. Di dunia pun ada

kurma, tetapi tidaklah sama melainkan dari segi namanya sahaja. Oleh yang demikian, tidak dibenarkan menyamakan seratus peratus terhadap apa yang wujud di dunia ini dengan apa yang wujud di dalam syurga. Sebab ia hanyalah perumpamaan semata."

Sebahagian ulama berpendapat bahawa syurga adalah mata air di mana airnya tenang dan jernih. Sebahagian ulama lain pula berpendapat bahawa ia adalah sungai yang mengalir luas.

Ia mempunyai suara dan mengandungi kebaikan tetapi hanya Allah SWT sahaja yang mengetahuinya. Panjangnya sungai Rasulullah SAW sejauh jarak antara kota Sana' dengan Baitul Maqdis. Ia mengambil masa satu bulan untuk mengelilinginya. Airnya lebih putih dari susu. Rasanya lebih manis dari madu. Jumlah bejana yang terdapat di sungai itu seperti jumlah bintang-bintang yang bertaburan di langit.

Inilah gambaran sungai di syurga. Namun perlu diingat bahawa dalam syurga terdapat pelbagai sungai. Yang paling mulia sekali dari sungai yang banyak adalah sungai Nabi Muhammad SAW.

Firman Allah SWT: *Dan sesungguhnya orang-orang yang bersalah, bertempat dalam neraka yang menjulang-julang. Mereka menderita bakaran neraka itu pada hari pembalasan. Dan mereka (sentiasa berada dalam azab seksanya), tidak ghaib daripadanya.*

Selepas Allah SWT menceritakan nikmat syurga, menjadi kelaziman disebutkan pula azab neraka sebagai peringatan kepada yang ingkar dan pelaku maksiat.

Gambaran neraka yang penuh dengan seksaan, azab dan ketakutan yang hebat tidak lain semata-mata memberi kesedaran kepada mereka supaya menjadi hamba Allah yang soleh, bertaqwa dan melakukan segala ketaatan sama ada yang wajib atau sunat semata-mata mengikhhlaskan diri kepada Allah SWT.

Kemudian Allah menerangkan berkenaan tentang kedahsyatan serta bencana yang menggerunkan berkenaan dengan hari Kiamat dan hari Pembalasan.

Firman Allah SWT: *Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari Pembalasan itu? Sekali lagi, apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari Pembalasan itu?*

Al-Maraghi berkata: "Sungguh ajaib keadaan kamu memandang remeh kedatangan hari Pembalasan itu. Seolah-olah kamu telah mengetahui hakikatnya bagaimana untuk melepaskan diri daripada ketakutan yang akan menimpa kamu. Seandainya kamu mengetahui dengan sebenarnya, pasti hatimu menjadi lembut, kembali kepada Allah SWT dengan jalan taubat, banyak istighfar, meminta ampun dan memohon keampunan terhadap perkara yang telah kamu lakukan."

Setelah itu Allah SWT menjelaskan hakikat kejadian hari Pembalasan menerusi firman-Nya yang bermaksud: *(hari itu ialah) hari seseorang tidak dapat memberikan pertolongan sedikitpun kepada orang lain, dan segala urusan pada hari itu tertentu bagi Allah.*

Syed Qutub berkata: Allah SWT sahaja yang berkuasa pada hari tersebut di dunia dan akhirat tetapi hanya pada hari Kiamat hakikat kuasa Ilahi yang tinggal tertera dengan sejas-jelasnya. Kira hakikat tersebut tidak tersembunyi lagi kepada orang yang terpedaya dan tertipu.